

PENGENDALIAN PAMERAN

1. Aktiviti pameran yang terlibat dengan LPP diperingkat nasional yang mana dikehendaki oleh Ibu Pejabat LPP dalam setiap tahun adalah terdiri daripada dua kategori iaitu:
 - Pameran tetap LPP
 - Pameran mengikut keperluan LPP

2. Pameran tetap LPP adalah sambutan HPPNK yang akan diadakan pada setiap tahun dan Sambutan Dwi-Tahunan MAHA, manakala pameran mengikut keperluan LPP diperingkat nasional adalah dianggarkan tiga penyertaan dalam setahun.

3. Persembahan pameran adalah berdasarkan tema dan konsep yang diberikan.

4. Pakej pameran disediakan mengikut keperluan persembahan yang diperlukan.

5. Penyediaan pakej pameran yang terdiri daripada bahan-bahan pameran berikut:
 - a. Logo/lambang agensi

- b. Carta-carta
- c. Gambar
- d. Poster
- e. Contoh-contoh hidup (tanaman, ternakan, dll.)
- f. Sampel produk dan produk untuk uji-rasa (termasuk alatan untuk tetamu VIP/pelawat)
Cth: Sultan – alatan warna kuning
- g. Model
- h. Display light box
- i. Fliers/risalah/pamphlet
- j. Bahan-bahan hiasan pameran
- k. Cenderahati tetamu VIP

- 6. Susunan bahan-bahan pameran harus ada aliran (Flow) untuk memberi kefahaman yang jelas kepada para pengunjung.
- 7. Penyediaan rekabentuk gerai pameran yang sesuai untuk penyertaan LPP.
- 8. Mengurus pembinaan gerai pameran oleh pihak kontrak yang telah dilantik mengikut spesifikasi

yang ditentukan dan mesti siap sehari sebelum bahan-bahan pameran dikehendaki masuk untuk disusun.

9. Menyelaras dan mengawasi gerai sepanjang pameran berlangsung.
10. Mengurus penghantaran balik segala peralatan dan bahan-bahan pameran untuk disimpan setelah pameran berakhir.

**CARTA ALIRAN KERJA
PELAKSANAAN AKTIVITI PAMERAN**

